



---

( 33 ) KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 42

28 Jun 2010

Ketua Pengarang,

Utusan Malaysia

**Akhbar : Utusan Malaysia**  
**Tarikh : 24 Jun 2010**  
**Muka Surat : 27**  
**Perkara : Murugiah kritik COB – Dakwa jarang  
turun padang selesai isu penduduk dan  
pengurusan**

---

Merujuk kepada perkara diatas, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pihak Utusan Malaysia kerana mengketengahkan permasalahan ini.

Untuk pengetahuan pihak tuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Perumahan Negara telah menyemak dan meneliti isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Senator T. Murugiah, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mendakwa Pesuruhjaya Bangunan (COB) di setiap pihak berkuasa tempatan mengamalkan sikap endah tak endah

dalam menangani konflik antara penduduk dengan pihak pengurusan bangunan.

Merujuk kepada Seksyen 3 Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663], dinyatakan mengenai pelantikan COB dan pegawai lain:

*1. Pihak Berkuasa Negeri boleh, bekeaan dengan sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan atau mana-mana kawasan lain, melantik seorang pegawai yang hendaklah dikenali sebagai Pesuruhjaya Bangunan dan mana-mana pegawai lain yang perlu bagi maksud mentadbirkan dan menjalankan peruntukan Akta ini.*

*2. Pesuruhjaya, tertakluk kepada apa-apa arahan am khas Pihak Berkuasa Negeri, hendaklah menjaga pentadbiran Akta ini dan Bahagian VI dan VII Akta Hakmilik Strata 1985 dan hendaklah melaksanakan apa-apa tugas lain yang dikenakan dan boleh menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya oleh Akta Hakmilik Strata 1985.*

*3. Tertakluk kepada apa-apa arahan am khas Pesuruhjaya, kuasa yang diberikan dan tugas yang dikenakan ke atas Pesuruhjaya oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen (1).*

Merujuk kepada permasalahan yang dihadapi oleh penduduk Blok C Angsana Hilir di Ampang Jaya, pihak COB Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah dimaklumkan dan sedang mengambil tindakan sewajarnya. Isu yang sibangkitkan adalah berkaitan dengan kaedah dalaman (*house rule*) yang dikuatkuasakan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) selaras dengan peruntukan seksyen 14 Akta 663.

Sehubungan itu, Jabatan Perumahan Negara akan mengatur mesyuarat penyelarasan bersama COB, MPAJ dan JMB Blok C Angsana Hilir bagi membincangkan masalah ini.

**Dikeluarkan oleh,**

**Unit Komunikasi Korporat**

**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**